

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 MAC 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Chuping is the hottest	The Star
2.	Mesyuarat tergepar bincang isu cuaca panas	Utusan Malaysia
3.	Kementerian Pendidikan sasar tingkat permohonan pelajar ke bidang STEM	BERNAMA
4.	MOSTI peruntuk dana RM30 juta bangunkan produk inovasi komuniti	BERNAMA
5.	Mesyuarat bincang isu cuaca panas dalam masa terdekat	BERNAMA
6.	Meeting on hot spell tomorrow	New Straits Times
7.	Emergency meeting on dry spell	Malay Mail
8.	The best place to cool down	New Straits Times
9.	Agensi terlibat diminta maklum paras air terkini di empangan	BERNAMA
10.	Sekolah diarah tutup kerana cuaca terlalu panas tidak perlu diganti	KOSMO
11.	Mesyuarat tangani cuaca panas	KOSMO
12.	Cuaca panas melampau tiada kaitan ekuinoks	Berita Harian
13.	Cuaca panas tiada kaitan ekuinoks	Sinar Harian
14.	Chuping catat 39 darjah celsius	Utusan Malaysia
15.	Cuaca panas tiada kaitan ekuinoks	Sinar Harian
16.	Hotspots bring about haze to Sabah's western side	The Star

Chuping is the hottest

Small town in Perlis records highest temperature of 39°C

PETALING JAYA: Chuping in Perlis is the hottest place in the country.

The small town in the state recorded the highest temperature for this month at 39°C, according to the Meteorological Department website.

The temperature in Petaling Jaya at 4pm was 26°C (due to thunderstorms), while Ipoh recorded 34°C; Kuala Pilah, Negri Sembilan 36°C; Senai, Johor 34°C and Malacca, 33°C.

Science, Technology and Innova-

tion Minister Datuk Wilfred Madius Tangau said that until Sunday, the highest temperature for the month was 38.5°C, also in Chuping, and Alor Setar.

He added, in a statement, that the strong El Nino phenomenon was the main reason for the current hot and dry weather being experienced in the country.

Tangau said the last time the country experienced similar weather conditions was 1997-1998, also due to El Nino.

"The Equinox phenomenon is not the main factor as it occurs yearly in March and September," Tangau said.

He also added that the Equinox was a result of the sun shining directly over the Equator, causing a hot spell.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said, however, that the strong El Nino phenomenon added to the Equinox that was causing the phenomenon which is experienced

now, thus making it exceptionally hot.

He said during the 1997-1998 El Nino, Chuping recorded 40.1°C on April 9, 1998 which was also the highest ever recorded temperature in the nation's history.

"It is not impossible if it peaks above 40°C this year," Tangau added.

The dry spell is expected to ease next month when there will be more rain and thunderstorms in the evening.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)

Mesyuarat tergempar bincang isu cuaca panas

KUALA LUMPUR 14 Mac - Satu mesyuarat tergempar bagi membincangkan keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini akan diadakan dalam masa terdekat di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebelum dibawa isu ke Kabinet pada Jumaat ini.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, mesyuarat berkenaan akan memfokuskan kepada perbincangan mencari langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Menurut beliau, isu tersebut bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan kerana fenomena itu bukan bersifat sementara kerana boleh berulang pada tahun akan datang.

"Kita menerima hakikat bahawa isu cuaca panas ini bukan satu perkara kecil kerana fenomena tersebut kerap kali berlaku.

"Kementerian akan mengadakan satu mesyuarat tergempar bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesihatan serta agensi berkaitan seperti Jabatan Meteorologi dan Jabatan Alam Sekitar bagi membincangkan perkara ini," katanya di lobi Parlimen di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif terhadap cuaca panas perlu lebih berjaga-jaga dan disarankan supaya minum lebih



WAN JUNAIDI



MADIUS TANGAU



AHMAD SHABERY



P. KAMALANATHAN



S. SUBRAMANIAM

banyak air dalam tempoh ini.

Katanya, langkah-langkah pencegahan itu perlu diambil berikutan fenomena El Nino yang sedang melanda beberapa negeri di utara Semenanjung, Sabah dan Timur Sarawak.

"Sehingga semalam, suhu tertinggi dicatatkan adalah 38.5 darjah Celsius di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis. Untuk makluman, suhu tertinggi yang pernah direkodkan di negara ini adalah 40 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada 1998.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan fenomena gelombang haba iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hipotermia atau strok haba," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pihaknya merangka pelan strategik sebagai persediaan awal menghadapi kemungkinan cuaca panas yang berpanjangan atau El-Nino.

Menurutnya, pada peringkat awal, kementerian itu mengedarkan pam air ke beberapa lokasi

strategik di seluruh negara.

"Cuaca panas ketika ini masih belum di tahap membimbangkan. Namun, kita bimbang sekiranya keadaan jerebu kembali, sudah pasti akan memburukkan lagi keadaan.

"Untuk itu, kita menyediakan satu pelan strategik yang merangkumi penyediaan pam-pam ke seluruh negara bagi membantu membekalkan air di kawasan-kawasan yang berkemungkinan terjejas akibat fenomena tersebut," katanya.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan berkata, pihaknya menunggu laporan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berhubung fenomena cuaca panas terik, El Nino yang melanda negara.

Katanya, pihaknya telah berbincang dengan kementerian itu dan hanya menunggu cadangan dan ulasan berkenaan perkara tersebut kepada kementerian.

"Tindakan lanjut sama ada sesi persekolahan ditutup atau tidak hanya akan diambil setelah laporan dan cadangan daripada Ke-

menterian Sains, Teknologi dan Inovasi diterima.

"Sesi persekolahan perlu diganti sekiranya menerima notis bercuti, bagaimanapun jika diarahkan tutup sekolah tidak perlu diganti," katanya.

Di **KLANG**, Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam menasihatkan supaya sekolah di seluruh negara mengurangkan aktiviti di luar bilik darjah ekoran keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Menurutnya, fenomena El Nino yang dijangka berterusan sepanjang bulan ini berisiko menyebabkan tubuh badan manusia kehilangan air.

"Meskipun setakat ini tiada peningkatan jumlah pesakit yang ketara akibat cuaca panas, tetapi langkah pencegahan perlu diambil dan pihaknya akan terus membuat pemantauan.

"Mungkin apa yang boleh dibuat ialah mengurangkan aktiviti di luar dan membenarkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas sahaja," katanya.



Kementerian Pendidikan Sasar Tingkat Permohonan Pelajar Ke Bidang STEM – Kamalanathan

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Permohonan bagi kemasukan ke bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di institusi pengajian tinggi dilihat tidak mencapai sasaran 60 peratus.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk P Kamalanathan berkata dasar 60:40 (Sains/Teknikal:Sastera) dalam pendidikan yang diperkenalkan kerajaan sejak 1967 itu masih diteruskan sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi.

"Bagaimanapun, jika kita lihat pada permohonan-permohonan yang telah dihantar, 60 peratus daripadanya adalah untuk bidang sastera dan hanya 40 peratus untuk bidang sains," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Dialog Dasar Pendidikan STEM peringkat Antarabangsa 2016, di sini.

Beliau berkata KPM telah pun memulakan kerja-kerja asas bagi membangunkan pendidikan STEM dengan mendapat komitmen penuh **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** dan juga British Council sebagai rakan kongsi dalam program tersebut.

"Saya yakin bahawa kita akan berjaya mencapai sasaran untuk mendapatkan lebih ramai pelajar memohon untuk melanjutkan pengajian dalam bidang sains," tambah beliau.

Majlis dialog yang bermula hari ini sehingga 16 Mac itu dianjurkan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama British Council dan disokong oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Majlis dialog itu disertai 133 peserta yang terdiri daripada penggubal dasar, agensi kerajaan, ahli akademik, penyelidik dan pelaksana dasar di negara yang menunjukkan amalan terbaik dalam pelaksanaan pendidikan STEM.

Sementara itu, ketika diminta mengulas berkenaan hari persekolahan yang perlu diganti sekiranya sesi persekolahan ditutup akibat cuaca panas, Kamalanathan berkata ia tidak perlu jika arahan menutup sesi persekolahan dikeluarkan pihak kementerian.

"Pihak kementerian juga telah mengeluarkan surat-surat pekeliling yang memberi maklumat kepada pengetua dan guru besar untuk menghentikan aktiviti-aktiviti luar bilik darjah serta-merta sekiranya cuaca terlalu panas," katanya.

-- BERNAMA



MOSTI Peruntuk Dana RM30 Juta Bangunkan Produk Inovasi Komuniti

MELAKA, 14 Mac (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** memperuntukkan Dana MOSTI Social Innovation berjumlah kira-kira RM30 juta bagi membangunkan produk inovasi yang mempunyai elemen kreativiti yang dihasilkan masyarakat komuniti di sesuatu kawasan.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata dana yang memperuntukkan maksimum RM500,000 bagi sesebuah produk inovasi berkenaan bertujuan memberi manfaat dalam masyarakat komuniti atau persatuan setempat.

Beliau berkata melalui dana berkenaan, pencipta atau penghasil produk perlu bekerjasama dengan salah satu agensi di bawah MOSTI bagi menghasilkan produk mereka.

"Dana ini sama seperti 'buy back policy' yang telah dilaksanakan MOSTI dalam usaha memastikan produk pengkomersilan yang dihasilkan dapat dijual kepada masyarakat, kementerian atau jabatan kerajaan dalam usaha menyokong penghasilan produk berkenaan.

"MOSTI mempunyai banyak agensi dan syarikat milik kerajaan yang dapat membantu pencipta atau penyelidik menghasilkan produk mereka secara lebih inovasi dan berdaya saing untuk diketengahkan dan dikomersilkan," katanya kepada Bernama selepas merasmikan program 'Sepakat Komuniti 1Malaysia' di sini malam tadi.

Abu Bakar berkata usaha berkenaan selaras dengan pendekatan MOSTI untuk mempertingkatkan penghasilan lebih banyak produk inovasi untuk dikomersilkan secara lebih meluas bermula di peringkat akar umbi.

Dalam perkembangan lain, katanya program 'Sepakat Komuniti 1Malaysia' perlu diberi hebahan yang lebih meluas terutama dalam aspek publisiti bagi menarik penyertaan lebih ramai rakyat pelbagai kaum untuk menyertai aktiviti yang disediakan.

"Program seumpama ini adalah untuk mengumpul pelbagai kaum bersama-sama menghayati kebersamaan sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan mampu hidup dalam keharmonian," katanya.

Beliau berkata antara usaha yang perlu diperbaiki ialah memperbanyakkan poster berkaitan program tersebut dan hebahan boleh dilakukan melalui platform politik kerana ia dilihat lebih berkesan berbanding melalui pemimpin setempat termasuk ketua kampung.

-- BERNAMA



Mesyuarat Bincang Isu Cuaca Panas Dalam Masa Terdekat - Wan Junaidi

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengadakan mesyuarat tergepar dalam masa terdekat bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu cuaca panas dan kering yang melanda negara kini.

Menterinya Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata mesyuarat bersama kementerian dan agensi-agensi berkenaan itu perlu dilaksanakan segera bagi membolehkan intipati perbincangan dibawa ke mesyuarat Kabinet, Jumaat ini.

"Saya telah memberi arahan kepada ketua setiausaha kementerian saya untuk mengadakan mesyuarat tergepar dengan kementerian termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, **Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi**, Kementerian Kesihatan dan agensi seperti Jabatan Meteorologi dan Jabatan Alam Sekitar," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu juga dijangka turut membincangkan keperluan melakukan pembenihan awan serta keperluan penutupan sekolah sekiranya keadaan cuaca semakin teruk.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata kementerian telah merangka pelan kecemasan bagi memastikan hasil tanaman tidak terjejas dalam keadaan cuaca panas akibat fenomena El Nino.

Katanya antara langkah awal yang telah diambil adalah menyediakan pam-pam bagi menyalur air ke kawasan tanaman yang strategik di seluruh negara.

"Cuaca panas memberi kesan kepada tanaman tertentu. (Walaupun) belum lagi di peringkat bahaya tetapi kita boleh jangkakan misalnya akibat jerebu dahulu (tahun lepas) beri kesan terhadap tuaian padi kita," katanya.

Dalam isu berbeza, Ahmad Shabery berkata kerajaan memerlukan satu program besar melibatkan penggunaan tanah seluas 400,000 hektar bagi menanam makanan binatang ternakan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil import.

"Saya bimbang dari segi jurang import eksport semakin besar. Pada tahun ini defisit meningkat kepada RM18 bilion dan sebahagian besar kerana terpaksa mengimport makanan ternakan," katanya.

Katanya usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri supaya perancangan menyeluruh dapat dilaksanakan.

"Misalnya kita dah mulakan projek tanaman jagung bijiran untuk ternakan ayam tetapi perlu diuji beberapa kali sama ada ia memberi respons yang baik kepada ayam yang ditenak," katanya.

Meeting on hot spell tomorrow

ISSUES: Ministries
and govt agencies
to discuss policies
to protect people

**CHUA BEE KIM
AND NURADZIMMAH DAIM**
MUAR
news@nst.com.my

A MEETING involving several ministries and government agencies will be held on Wednesday ahead of the formation of a special committee to look into ways to deal with the effects of the hot weather conditions.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the meeting was to determine the policies and guidelines that would be implemented to protect the people during the heatwave.

The meeting will include representatives from the Science, Technology and Innovation Ministry, Education Ministry, Meteorological Department, Wildlife and National Parks Department and other agencies.



**Datuk Seri Dr
Wan Junaidi
Tuanku
Jaafar**



"The outcome of this meeting will be submitted to the cabinet on Friday.

"The meeting will discuss issues such as the water levels at the country's dams, water supply and look into how the committee will be set up," said Wan Junaidi after the groundbreaking of the Belemang Flood Mitigation Programme in Sungai Mati here yesterday.

"We can't take the heatwave lightly as it was reported that the El Nino phenomenon will continue for a few years," he said.

Agriculture and Agribased Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery

Cheek said the ministry had drawn up contingency plans to ensure crops are protected as a result of the extreme hot weather. Additional reporting by Awaina Arbee

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 15 MAC 2016 (SELASA)

Emergency meeting on dry spell

KUALA LUMPUR — The Ministry of Natural Resources and Environment will hold an emergency meeting soon to discuss measures to address the hot and dry weather.

Its minister, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, said the joint meeting with related ministries and agencies was imperative as the gist of discussions would be brought to the Cabinet meeting on Friday, reported Bernama.

"The meeting will also discuss the need for cloud seeding and whether schools should be closed if the weather condition worsens," he told reporters when met at the

Parliament Lobby yesterday.

The ministries involve education, energy, green technology and water, science, technology and innovation and health, while the agencies comprise the meteorology and environment departments.

At a separate function in Tangkak, Wan Junaidi said all agencies concerned had been informed to provide the latest information on the water levels at all dams nationwide.

He said the step was taken to identify whether the hot weather was impacting the levels.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery

Cheek said his ministry had drawn up an emergency plan to ensure that crop yields were unaffected by the hot weather due to the El Nino phenomenon.

Among the measures taken was to provide pumps to channel water to strategic farming areas nationwide, he said.

On another issue, he said the government needed 400,000 hectares of land to plant crops for animal feed to reduce dependence on supply from abroad.

"I am worried because the import-export gap is growing. This year, the deficit has increased to RM18 billion, mostly due to imported animal feed."

Ahmad Shabery said this would require the cooperation of all parties, especially state governments, so that comprehensive planning could be done.

"For example, we already have a corn project for chicken feed but it has to undergo several tests," he added.

Malaysian Meteorological Department director general Datuk Che Gayah Ismail said brief showers could be expected unlike the long heavy showers during the monsoon season.

However, Che Gayah said there could be more rain during the inter-monsoon period in April.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)



*The Bukit Wang Recreational Forest waterfall has been getting more visits due to the **hot weather** conditions.*
Pic by Sharul Hafiz Zam

'The best place to cool down'

JITRA: The Bukit Wang Recreational Forest waterfall here has been getting a steady flow of visitors especially with the hot and dry weather conditions as a result of the El Nino phenomenon.

A visit to the recreational park showed that most of the visitors turned up from 3.30pm onwards.

A visitor, Mohamad Norshafiq A. Norhamizat, 23, said that he frequently visited the waterfall with a group of friends, especially in the past two weeks.

"The hot weather has been quite unbearable, particularly over the last two weeks.

"Going to the waterfall and drinking cold drinks help to cool our bodies," said Norshafiq.

Norshafiq said that this month

alone, he had visited the waterfall four times because of the weather.

Another visitor, Norwati Othman, 36, said the Bukit Wang Recreational Forest was a popular destination for people in Jitra and Alor Star, where they could have a splashing time in the cascading waters.

"My family lives about 15 minutes from the Bukit Wang Recreational Forest.

"The waterfall is definitely the best place to cool down, especially during the hot and dry spell."

She said her family of six visited the waterfall on weekends.

At home, she said, her family had limited the use of air-conditioners to three hours a day.

"Despite the heat, we need to save electricity, too," she said.

Visitor Kartina Abdul Majid, 43, from Nibong Tebal in Penang, said she and her family decided to visit the waterfall after attending a thanksgiving ceremony of a relative here.

"Before our journey home, we decided to stop at the waterfall to cool down in this hot weather.

"I am happy to see that the waterfall is well-maintained and not too crowded today," she said, adding the family planned to spend two hours there.

On Friday, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau said in a statement that the highest temperature was recorded on Thursday in Alor Star and Chuping (Perlis), where it peaked at 38.5°C.



Agensi Terlibat Diminta Maklum Paras Air Terkini Di Empangan

TANGKAK, 14 Mac (Bernama) -- Semua agensi terlibat diminta untuk memaklumkan situasi terkini berhubung paras air di kesemua empangan di seluruh negara susulan cuaca panas yang sedang melanda Malaysia ketika ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata langkah itu diambil bagi mengenal pasti sama ada cuaca panas memberi impak kepada paras air empangan.

Beliau berkata keadaan cuaca panas yang dirasakan di beberapa tempat masa kini dilihat agak membimbangkan berikutan tiada jangkaan awal dapat dibuat mengenainya.

"Kita tidak sepatutnya mengalami masalah kekurangan air kerana negara berada di kawasan tropika yang mana ia mempunyai banyak taburan hujan.

"Bagaimanapun, kita akan arahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan lain-lain agensi supaya memberi taklimat terkini agar kerajaan dapat menentukan sama ada pencatutan air perlu dilakukan ataupun sebaliknya," katanya kepada pemberita pada majlis pecah tanah Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Muar Pintasan Belemang di Kampung Belemang, di sini, hari ini.

Selain itu, Wan Junaidi berkata cuaca panas yang melanda negara ketika ini bukanlah satu perkara yang baharu, malah pernah berlaku pada tahun 1997.

"Cuma perbezaannya pada (suhu) darjah Celcius dan setakat ini, berdasarkan laporan JPS, dua negeri yang mencatat cuaca panas tertinggi ialah di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis, masing-masing pada kadar 38.5 dan 38.2 darjah Celcius manakala Johor Baharu pula adalah 36.5 darjah Celcius," katanya.

Sehubungan dengan itu, kesemua pihak terlibat termasuk kementeriannya juga akan mengadakan mesyuarat Rabu ini bagi membincangkan lebih lanjut isu berkenaan.

Menerusi mesyuarat itu, kementerian berharap dapat merangka satu tindakan yang boleh memberi amaran awal kepada orang ramai jika cuaca sebegitu berlanjutan.

Setakat ini, negara tidak mempunyai satu mekanisme khusus bagi menangani isu berkenaan, kata Wan Junaidi.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengeluarkan satu kenyataan mengenai keadaan cuaca panas yang dirasakan di beberapa tempat kini disebabkan keadaan cuaca kering, tiada hujan yang turun dalam tempoh yang panjang dan kesan fenomena El Nino yang kuat.

Sekolah diarah tutup kerana cuaca terlalu panas tidak perlu diganti

KUALA LUMPUR - Sesi persekolahan tidak perlu diganti sekiranya arahan penutupan buat sementara sekolah ekoran cuaca panas melampau dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan (**gambar**) berkata, sesi persekolahan perlu diganti jika ada sekolah yang memohon untuk tutup atas masalah atau keperluan tertentu.

"Pihak kementerian telah mengeluarkan surat pekeliling yang memberi maklumat kepada pengetua dan guru besar untuk menghentikan aktiviti-aktiviti luar bilik darjah serta-merta sekiranya cuaca terlalu panas," kata beliau selepas majlis perasmian Dialog Dasar Pendidikan Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Peringkat Antarabangsa 2016 di sini semalam.

Mengulas lanjut perkara itu, beliau berkata, cadangan menutup sementara sekolah akan dikemas kini selepas pihaknya menerima cadangan dan ulasan mengenai cuaca semasa daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Semalam, *Kosmo!* melaporkan Kementerian Pendidikan akan mengarahkan sekolah ditutup buat sementara jika cuaca panas yang sedang melanda negara bertambah buruk setelah sekolah dibuka semula selepas cuti pertengahan penggal pertama pada 20 dan 21 Mac ini.

Terdahulu, Kamalanathan memberitahu, permohonan bagi kemasukan ke bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di institusi pengajian tinggi tidak mencapai sasaran 60 peratus.

Menurut beliau, dasar 60:40 (Sains/Teknikal:Sastera) dalam pendidikan yang diperkenalkan kerajaan sejak 1967 itu masih diteruskan sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi.



KERATAN AKHBAR
KOSMO (FENOMENA CUACA PANAS) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)



PAHANG

SEKUMPULAN kerbau berendam di Sungai Ulu Tembeling di Taman Negara ketika cuaca panas mencecah suhu sehingga 35 darjah Celsius semalam.



PERLIS

SEORANG kanak-kanak berdiri di atas tanah sawah di Kampung Chuping di Chuping yang kering hingga merekah kesan fenomena El Nino membawa cuaca panas dan kering 39 darjah Celsius.



PULAU PINANG

RUMPUT di Padang Kota Lama, George Town yang menjadi kekuningan ekoran cuaca panas sehingga 32 darjah Celsius semalam.

Mesyuarat tangani cuaca panas

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Satu mesyuarat tergegar akan diadakan oleh kerajaan dalam tempoh terdekat bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu cuaca panas dan kering yang sedang melanda negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, mesyuarat bersama kementerian dengan agensi-agensi kerajaan yang lain itu bagi membolehkan intipati perbincangan dibawa ke mesyuarat Kabinet pada Jumaat ini.

"Saya telah memberi arahan untuk mengadakan mesyuarat tergegar dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan dan agensi seperti Jabatan Meteorologi dan Jabatan Alam Sekitar.

"Mesyuarat ini bagi memikirkan dasar baharu berhubung isu cuaca panas. Kita mempunyai ahli jawatankuasa kebang-



WAN JUNAIDI



AHMAD SHABERY

saan untuk atasi masalah jerebu, namun cuaca panas belum ada lagi," kata beliau di lobi Parlimen di sini semalam.

Menurut beliau, kerajaan tidak memandang ringan fenomena cuaca panas menyebabkan mesyuarat itu turut dijangka membincangkan keperluan melakukan pembenihan awan serta keperluan penutupan sekolah sekiranya cuaca semakin teruk.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kementerian telah merangka pelan keemasan bagi memastikan hasil tanaman tidak terjejas dalam keadaan cuaca panas akibat fenomena El Nino.

Jelas beliau, antara langkah awal yang telah diambil ialah menyediakan pam-pam bagi menyalur air ke kawasan tanaman yang strategik di seluruh negara.

"Cuaca panas memberi kesan kepada tanaman tertentu, tetapi belum di peringkat bahaya namun kita boleh jangkaan kesannya ke atas tuaian adalah seperti kejadian jerebu," katanya.

INFO

Kategori kemarau dan suhu negeri di Malaysia

- Alor Setar, Kedah (30.0 Celsius)
- Chuping, Perlis (39.0 Celsius)
- Kuala Pilah, Negeri Sembilan (36.0 Celsius)
- Cameron Highlands (23.0 Celsius)
- Melaka (33.0 Celsius)
- Kuala Terengganu (32.0 Celsius)
- Senai, Johor (35.0 Celsius)
- Kuching, Sarawak (32.0 Celsius)
- Kota Kinabalu, Sabah (34.0 Celsius)
- Bayan Lepas, Pulau Pinang (32.0 Celsius)

*Bacaan suhu pukul 4 petang, 14 Mac 2016

Cuaca panas melampau tiada kaitan ekuinoks

» Fenomena berlaku sehari, matahari dijangka tegak atas kepala

Oleh Mohd Hamizar Hamid,
Norakmah Mat Youb
dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ageni Angkasa Negara (ANGKASA) menafikan dakwaan kononnya keadaan cuaca panas melampau ketika ini adalah disebabkan fenomena ekuinoks.

Pegawai Sains ANGKASA, Mohd Zamri Shah Mastor, berkata fenomena berkenaan tidak akan membawa perubahan cuaca melampau dan ia berlaku sehari sahaja pada 20 Mac ini.

"Ekuinoks hanya mengambil masa sehari dan peningkatan suhu di negara kita ketika ini tiada kaitan dengan fenomena berkenaan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohd Zamri berkata, apabila ekuinoks berlaku, seluruh dunia akan mengalami waktu siang dan malam sama panjang iaitu masing-masing 12 jam serta matahari dijangka berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari, bergantung kepada waktu tempatan masing-masing.

"Apabila matahari tegak di atas kepala, kita tidak dapat melihat bayang-bayang sendiri seperti biasa. Rakyat Malaysia akan merasai pengalaman seperti itu beberapa hari selepas fenomena berkenaan," katanya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Is-

INFO

Fenomena ekuinoks

Pencahayaan matahari pada hari ekuinoks



mail pula berkata, cuaca panas dirasakan di seluruh negara sejak hujung tahun lalu adalah kesan fenomena El Nino.

Berlaku dua kali setahun

Malah, katanya, ekuinoks adalah fenomena biasa yang berlaku dua kali setahun pada Mac dan September ketika matahari berada tegak di atas garis Khatulistiwa.

"Fenomena ekuinoks berlaku setiap tahun pada bulan Mac dan September. Yang luar biasanya tahun ini berlakunya fenomena El-Nino, seterusnya

menyebabkan negara bertamabah panas," katanya.

Sementara itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengadakan mesyuarat tergempar dalam masa terdekat bagi membincangkan isu cuaca panas yang melanda negara, sebelum dibawa ke mesyuarat Kabinet Jumaat ini.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata beliau sudah mengarahkan supaya mesyuarat itu diadakan bagi mencari penyelesaian membendung masalah itu.

Katanya, mesyuarat tergem-

par itu diadakan bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), selain Jabatan Meteorologi.

"Mesyuarat tergempar itu bagi memikirkan dasar baharu berhubung isu cuaca panas. Kita mempunyai Ahli Jawatankuasa Kebangsaan untuk atasi masalah jerebu tetapi belum ada untuk masalah cuaca panas," katanya di lobi Parlimen di sini, semalam.

Cuaca panas tiada kaitan ekuinoks

Jabatan Meteorologi sahkan suhu tinggi melanda negara kini adalah akibat fenomena El-Nino

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi mengesahkan cuaca panas melampau yang melanda negara kita mutakhir ini berpunca daripada fenomena El-Nino.

Ketua pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, cuaca panas ini dijangka berlanjutan sehingga penghujung Mac nanti.

"Apa yang berlaku sekarang ini sehingga menjadi kerisauan orang ramai adalah fenomena El-Nino.

"Kehadirannya menyebabkan peningkatan suhu yang melampau dan mengakibatkan cuaca menjadi semakin panas serta kering," katanya.

Menurutnya, suhu akan mula berkurangan dan cuaca kembali menjadi lembab menjelang peralihan monsun sekitar April nanti.

"Hujan akan mula turun di beberapa tempat dan



CHE GAYAH

suhu panas yang dirasakan sekarang ini akan berkurangan," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menafikan dakwaan pihak tertentu kononnya fenomena panas yang melanda berpunca daripada ekuinoks.

"Keadaan panas berpanjangan ini tak ada kena mengena dengan ekuinoks.

"Ekuinoks berlaku dua kali pada setiap tahun iaitu pada 20 Mac dan 22 September



Tanah sawah di Kampung Chuping, Perlis kering-kontang akibat fenomena El Nino yang mengakibatkan cuaca menjadi panas dan kering melanda seluruh negara kini. - Foto: Bernama

dan kita telah kemaskini di dalam jadual cuaca tahunan MetMalaysia," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran fenomena El-Nino

yang berlaku di negara kita bermula Januari lalu.

Kehadirannya dijangka boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus dan

kenaikan suhu 0.5 hingga 0.2 peratus berbanding biasa.

Orang ramai dinasihatkan supaya berjimat cermat dalam penggunaan air dan mengurangkan aktiviti luar

sepanjang fenomena ini.

Difahamkan, Perlis dan Kedah dijangka terkesan dengan fenomena ini dan keadaan sama juga berlaku di Sabah, Limbang dan Miri.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)

Fenomena Ekuinoks



- » Berlaku ketika paksi bumi membentuk sudut 90 darjah dengan satu garisan yang disambungkan dengan matahari.
- » Semasa itu, seluruh dunia mengalami waktu siang dan malam sama panjang iaitu 12 jam.
- » Ekuinoks musim bunga berlaku pada 20 atau 21 Mac setiap tahun di kawasan hemisfera utara.
- » 22 atau 23 September pula di kawasan hemisfera selatan.
- » Ekuinoks berasal daripada bahasa Latin *aequus* (bersamaan) dan *nox* (malam).
- » Fenomena menyebabkan waktu siang lebih

- panjang berbanding waktu normal.
- » Penipisan lapisan ozon menyebabkan pendedahan cahaya matahari pada masa terbit lebih dirasai berikutan suhu meningkat terutamanya pada pukul 12 tengah hari sehingga 3 petang.
- » Ketika berlaku, mereka yang berada di atas atau berdekatan dengan garisan Khatulistiwa terutamanya di Pontianak, Indonesia akan mendapati matahari berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari.

Kategori kemarau dan suhu negeri di Malaysia



Kemarau melampau

Chuping, Perlis
 Alor Setar, Kedah
 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

39°C
 36°C
 36°C

Temerloh, Pahang 36.9°C
 Keningau, Sabah 35.4°C
 Langkawi, Kedah 35.0°C



Kemarau Tinggi

Sandakan, Sabah 31°C
 Melaka 33°C
 Ipoh, Perak 33°C

Kesan fenomena El Nino, angin monsun timur laut sejak Oktober 2015

Chuping catat 39 darjah Celsius

Oleh KASTHURI JEEVENDRAN
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 MAC

CHUPING, Perlis masih mencatatkan suhu tertinggi sepanjang tahun dengan bacaan 39 darjah Celsius, kesan daripada fenomena El Nino dan angin monsun timur laut yang dialami negara sejak Oktober tahun lepas.

Sebelum ini Alor Setar, Kedah mencatatkan 38.5 darjah Celsius tetapi kini turun kepada 36 darjah Celsius manakala Kuala Pilah, Negeri Sembilan juga mencatat bacaan sama setakat pukul 5 petang ini.

Jabatan Meteorologi turut meletakkan beberapa negeri dan kawasan di bawah kod kemarau melampau, antaranya seluruh Perlis, bahagian utara Kedah termasuk Pulau Langkawi dan beberapa kawasan di Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah sejak kelmarin.

Menurut jabatan itu dalam laman sesawangnya, fenomena El Nino dijangka menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 peratus hingga 60 peratus dan kenaikan suhu sekitar 0.5 darjah Celsius hingga 2 darjah Celsius berbanding biasa.

El Nino merupakan fenomena pemanasan suhu permukaan laut di timur dan tengah Lautan Pasifik kawasan Khatulistiwa yang berlaku setiap dua hingga tujuh tahun.

Jabatan Meteorologi turut meramalkan negara bakal dilanda jerebu semula apabila angin barat daya



TANAH sawah kering kontang akibat fenomena El Nino yang mengakibatkan cuaca menjadi panas dan kering di Kampung Chuping, Perlis, semalam. - BERNAMA

dari arah Sumatera kembali bertubi-tubi mulai Mei hingga September.

Pegawai Komunikasinya, Ambun Dindang berkata, bacaan tersebut bagaimanapun belum mengatasi suhu paling panas yang pernah direkodkan dalam sejarah negara iaitu 40 darjah Celsius, juga di Chuping pada 1998.

"Pada kebiasaannya suhu normal negara adalah antara 36 darjah Celsius atau 37 darjah Celsius, na-

mun akibat musim panas dan kering yang kita alami sekarang, suhu telah meningkat pada tahap tertinggi sehingga 39 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ambun turut menyeru orang ramai supaya tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka dan banyak minum air bagi mengelakkan dehidrasi.

Sebelum ini, Ketua Pengarahnya,

Datuk Che Gayah Ismail berkata, beberapa kawasan akan mengalami cuaca kering dan kekurangan hujan, walau bagaimanapun kekuatan fenomena El Nino telah mengalami penurunan.

Selain itu, cuaca panas luar biasa berpanjangan sejak beberapa hari lalu menyebabkan penggunaan elektrik mencatatkan paras tertinggi di Semenanjung iaitu 17,175 megaWatt (mW) ketika waktu puncak.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 1
TARIKH: 15 MAC 2016 (SELASA)

Cuaca panas tiada kaitan ekuinoks



Jabatan Meteorologi sahkan cuaca panas melampau yang melanda negara kebelakangan ini berpunca daripada fenomena El-Nino

“ Ekuinoks berlaku dua kali setiap tahun iaitu pada 20 Mac dan 22 September dan kita telah kemas kini di dalam jadual cuaca tahunan MetMalaysia.”

**- Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi,
Datuk Che Gayah Ismail**



Hotspots bring about haze to Sabah's western side

KOTA KINABALU: Five hotspots over Sabah triggered by the El-Nino phenomena have brought in haze to the west coast and interiors of the state.

However, the Air Pollutant Index (API) remained moderate in Kota Kinabalu and Keningau yesterday as firemen continued to put out bush fires in several areas across the state.

Sabah Meteorological Department acting director Lim Ze Hui said the five hotspots included three in Keningau and one each in Beaufort and Tongod near Kinabatangan.

We expect the amount of rainfall that was below normal to continue until the end of April, he said amid reports that firemen were battling at least 20 bush fires a day currently.

Lim also said they expected the haze to continue until the dry season ends, though it might see some improvements based on wind conditions.

Large tracks of secondary jungles, orchards, small oil palm and rubber plantations have been destroyed by fires while water shortages were also reported in more than a hundred villages here.

The visibility dropped to 7km for Kota Kinabalu yesterday and 6km in Keningau.

Meanwhile, State Fire and Rescue Department director Nordin Pauzi urged the people to refrain from doing anything that could trigger a fire.

He said the number of fires and emergency calls relating to the El-Nino effect had increased over the past few months.

With every fire, crops and property, including national heritage such as forests and so on, would be destroyed, he said.